



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 03/2024



KEMULIAAN AL-QURAN

11 Ramadan 1445H / 22 Mac 2024

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Taala kerana masih lagi diizinkan untuk melalui madrasah Ramadan.



Antara kemuliaan bulan ini, ialah kerana padanya terdapat peristiwa nuzul al-Quran. Al-Quran diwahyukan kepada Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam melalui malaikat Jibril alaihissalam sebagai petunjuk bagi orang beriman. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 185:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْفُرْقَانِ

Yang bermaksud: *“(Diwajibkan kamu berpuasa pada) bulan Ramadan, bulan yang padanya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang hak dan batil).”*

Al-Quran merupakan antara mukjizat terbesar yang Allah kurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Berbeza dengan kitab Samawi yang terdahulu yang tidak dihafal hingga hilang keasliannya. Maka bersyukur lah kita kerana umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dipermudahkan untuk menghafaz al-Quran, dan semoga ada dalam kalangan ahli keluarga kita yang boleh menghafaznya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Qamar ayat 17:



وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah orang yang mahu mengambil pengajaran (daripadanya).”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Antara kemuliaan al-Quran juga berbanding kitab Samawi yang lain, ialah Allah Subhanahu wa Taala menjamin yang al-Quran ini akan terpelihara daripada sebarang perubahan dan penyelewengan. Sesuai dengan fungsinya sebagai petunjuk kepada manusia, al-Quran yang diturunkan lebih 1400 tahun yang lalu, adalah sama dengan yang ada pada zaman kita sekarang. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Hijir ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Semasa pemerintahan Saidina Abu Bakar al-Siddiq, ramai sahabat Nabi yang terdiri daripada penghafaz al-Quran, telah mati syahid dalam



peperangan al-Yamamah. Sejak itu, Saidina Abu Bakar telah berusaha memuliakan al-Quran dengan menggerakkan usaha mengumpulkan lembaran al-Quran dalam satu mashaf. Usaha itu diteruskan dan akhirnya semasa pemerintahan Saidina Uthman, terhasillah Mashaf Uthmani yang merupakan rujukan tunggal al-Quran yang lengkap.

Dengan keperluan untuk menghasilkan salinan dan percetakan mashaf untuk bacaan ummah, maka usaha memuliakan ketulenan al-Quran sentiasa dijadikan agenda utama pemerintah Islam zaman-berzaman.

Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Tashih Al-Quran) yang terdiri daripada ulama yang berkemahiran dalam al-Quran, mereka berperanan memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran. Seterusnya, barulah ia disahkan oleh Lembaga Pengawalan, Perlesenan dan Percetakan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri yang dianggotai oleh semua Mufti di seluruh Malaysia. Selepas disahkan, barulah dibenarkan untuk dicetak dan dipasarkan. Semua al-Quran yang telah disahkan mestilah memiliki cop dan pelekat hologram daripada Kementerian Dalam Negeri. Kita hendaklah memastikan al-Quran yang kita beli dan baca telah mendapat pengesahan daripada Kementerian Dalam Negeri.



Bersempena dengan sambutan Nuzul al-Quran marilah kita bersama-sama memperbanyakkan membaca dan mentadabur al-Quran, menghayati serta mengamalkan segala isi kandungannya dalam kehidupan seharian. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 78 hingga 79:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْءَانَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾ وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، اللَّهُ الْعَظِيمِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمِ